

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2015/2016**

NAMA KURSUS : ASAS NOMBOR
KOD KURSUS : BBR13003
PROGRAM : SARJANA MUDA PENDIDIKAN
(SEKOLAH RENDAH)
TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2015/JANUARI 2016
MASA : 2 JAM 30 MINIT
ARAHAN : JAWAB **SEMUA** SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **SEBELAS (11)** MUKA SURAT

SULIT

BAHAGIAN A: Pilih jawapan yang paling sesuai dan tulis jawapan di buku jawapan yang disediakan.

S1

24.876	0
--------	---

Manakah antara pernyataan berikut adalah betul mengenai dua nombor di atas:

- A. Kedua-dua nombor tidak boleh didarab bersama.
- B. Sifar boleh dibahagi oleh nombor perpuluhan tersebut.
- C. Nombor perpuluhan tidak boleh dicampur dengan sifar kerana titik peruluhannya tidak sama.
- D. Semua di atas adalah betul

S2 Berikut adalah ciri-ciri wang kecuali

- A. kalis inflasi
- B. diterima umum
- C. bernilai stabil
- D. penawaran terhad

S3 23.0879 dibundarkan kepada tiga tempat perpuluhan menjadi

- A. 23.000
- B. 23.018
- C. 23.088
- D. 23.090

S4 Dalam nombor 968 000, ada berapa gandaan 25?

- A. 48 720
- B. 47 802
- C. 38 720
- D. 37 802

S5 Wang afiat ialah

- A. wang yang nilainya ditentukan oleh undang-undang dan bukan adanya barangan dan perkhidmatan.
- B. wang yang boleh digunakan sebagai medium pertukaran dan sebagai komoditi yang boleh didagangkan pada masa yang sama.
- C. merupakan tuntutan terhadap orang dari segi fizikal atau undang-undang dan boleh digunakan untuk membeli barangan dan perkhidmatan.
- D. tidak dapat dibayar dengan segera apabila dituntut dan terdapat sedikit unsur risiko nilai bayaran akan tidak sama dengan nilai yang dipersetujui semasa belian.

- S6** Cari peratus tambahan atau susutan 200 ditambahkan 14.
- A. 5%
 - B. 6%
 - C. 7%
 - D. 8%
- S7** Penggunaan wang adalah untuk mengatasi 4 masalah dalam sistem barter kecuali
- A. Masalah kehendak serentak
 - B. Masalah pengukuran nilai yang standard
 - C. Masalah kerosakan/ penyimpanan nilai
 - D. Masalah kadar peratusan keuntungan
- S8** Dalam bahasa Perancis, perkataan untuk wang adalah "agent" yang bermaksud
- A. emas
 - B. perak
 - C. tembaga
 - D. loyang
- S9** Konstruktivisme dapat diaplikasikan dalam pengajaran matematik melalui kaedah beriku kecuali
- A. pelajar bergantung kepada guru.
 - B. pelajar berfikiran secara mencapah.
 - C. pelajar menulis hasil pengalaman mereka.
 - D. pelajar berbincang keputusan penyiasatan mereka.
- S10** Apakah tujuan fasa refleksi?
- A. Menilai kefahaman murid dan idea.
 - B. Mengenalpasti kerangka alternatif pelajar.
 - C. Mengenalpasti idea baru yang diubahsuai.
 - D. Memotivasikan pelajar agar mereka terus berminat dalam pengajaran yang berlangsung.

S11 Pecahan wajar adalah apabila

- I. nilai mutlak keseluruhan pecahan kurang dari 1.
- II. nilai mutlak keseluruhan pecahan selebih-lebihnya 1.
- III. nilai mutlak penyebut kurang dari nilai mutlak pengangka.
- IV. nilai mutlak pengangka kurang daripada nilai mutlak penyebut.

- A. I
- B. I dan II
- C. I dan IV
- D. II dan IV

S12 Dalam matematik, peratus adalah satu cara untuk menyatakan nombor _____ 100.

- A. asas
- B. perpuluhan
- C. pecahan
- D. kuasa

S13 0.2 adalah bersamaan dengan

- A. $\frac{2}{5}$
- B. $\frac{2}{100}$
- C. 20%
- D. 50%

S14 Menurut Grffin et. Al., 1994, kanak-kanak mempelajari asas pendidikan matematik bermula dengan kemahiran

- I. Mengenali angka
- II. Membilang angka
- III. Mendarabkan angka
- IV. Menggandakan angka

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. III dan IV
- D. Tiada jawapan di atas.

- S15** Apakah pertimbangan yang perlu diambil oleh guru untuk memastikan kejayaan proses pembelajaran matematik menggunakan kaedah pembelajaran koperatif?
- I. Memberikan arahan kerja yang jelas dan lengkap.
 - II. Membahagikan pelajar kepada kumpulan homogen.
 - III. Mempunyai objektif pembelajaran yang jelas dan spesifik.
 - IV. Mengatur kedudukan pelajar agar dapat berinteraksi secara bersemuka.
- A. I, II dan III
 - B. I, III dan IV
 - C. II, III dan IV
 - D. I, II, III dan IV
- S16** Antara berikut, yang manakah tidak terlibat dengan urutan teori pembelajaran Gagne?
- A. Menilai pencapaian
 - B. Mendapatkan perhatian
 - C. Tidak memaklumkan objektif
 - D. Menggalakkan ingatan kembali
- S17** Nombor yang boleh diungkapkan sebagai pecahan yang terdiri daripada pengangka integer serta penyebut nombor asli yang bukan sifar.
- A. integer
 - B. nombor nyata
 - C. nombor nisbah
 - D. nombor kompleks
- S18** $620\,000 + 0.18 \text{ juta} =$
- A. 0.08 juta
 - B. 0.242 juta
 - C. 0.638 juta
 - D. 0.8 juta

S19 Antara berikut, pernyataan manakah adalah benar?

- A. Tanda peratus adalah “#”
- B. Satu peratus makna dalam bahasa Arab adalah “satu ratus”.
- C. Dalam bidang matematik, peratusan ialah cara menyatakan nombor sebagai satu pecahan 100.
- D. Konsep asas yang perlu diingat apabila melakukan pengiraan dengan peratusan bahawa simbol peratus boleh dianggap sebagai bersamaan dengan bilangan tulen malar $1/100 = 0.1$.

S20

234.78965	234.87569
-----------	-----------

Pilih pernyataan yang salah tentang nombor di atas.

- A. 234.87569 lebih besar daripada 234.78965
- B. Kedua-dua nombor perpuluhan tersebut mempunyai 8 angka beerti.
- C. Nilai angka 7 dalam 234.78965 adalah lebih kecil daripada nilai angka 9 dalam 234.87569.
- D. 234.78965 bernilai lebih kecil daripada 234.87569 selepas dibundarkan kepada satu tempat perpuluhan.

S21 Sistem angka perpuluhan menggunakan _____ sebagai nombor asas.

- A. 1
- B. 10
- C. 100
- D. 1000

S22 Berikut merupakan aktiviti yang boleh menilai pelajar memahami pengajaran, kecuali

- A. aktiviti soal jawab.
- B. aktiviti ujian dan kuiz.
- C. aktiviti menjalankan sesi temu ramah.
- D. aktiviti latih tubi, pemulihan dan pengayaan.

- S23** _____ antara jenis wang yang disenaraikan untuk pengguna.
- A. Wang pos
 - B. Wang komoditi
 - C. Wang emas
 - D. Wang ringgit
- S24** Sekiranya RM100 dibahagikan kepada 9 orang pelajar secara sama rata, berapakah baki yang tinggal?
- A. 0 sen
 - B. 1 sen
 - C. 2 sen
 - D. 3 sen
- S25** Manakah yang berikut setara dengan 5.5?
- A. $\frac{22}{4}$
 - B. $\frac{22}{3}$
 - C. $\frac{44}{8}$
 - D. $\frac{33}{6}$
- S26** Bilangan pelajar di sebuah universiti meningkat kepada 5610 berbanding tahun lalu iaitu seramai 5100. Berapakah peratus peningkatan pelajar di universiti tersebut?
- A. 0.001%
 - B. 0.100%
 - C. 1.000%
 - D. 10.000%
- S27** Penggunaan wang dalam masyarakat menggalakkan perkara berikut berlaku:
- I Hutang
 - II Kekayaan
 - III Perdagangan
 - IV Peningkatan produktiviti
- A. I dan II
 - B. I, II dan III
 - C. II, III dan IV
 - D. I, II, III dan IV

S28 Peningkatan sebanyak _____ bermaksud jumlah akhir ialah 4 kali ganda nilai asal.

- A. 300%
- B. 400%
- C. 500%
- D. 600%

S29 Pecahan $0.25/25$ bersamaan

- A. 0.001%
- B. 0.100%
- C. 1.000%
- D. 10.00%


S30 Nyatakan 846031 dalam bentuk cerakinan.

- A. $840\ 000 + 6\ 000 + 30 + 1$
- B. $840\ 000 + 60\ 000 + 30 + 1$
- C. $800\ 000 + 4\ 000 + 6\ 000 + 30 + 1$
- D. $800\ 000 + 40\ 000 + 6\ 000 + 30 + 1$

SULIT

BAHAGIAN B: Jawab soalan di bahagian ini dalam buku jawapan yang disediakan.

S31 Berdasarkan garisan nombor berikut:



Cari nilai bagi Y.

(3 Markah)

S32 Pelajar lelaki dalam sebuah universiti adalah 40%. Jika terdapat 1500 pelajar lelaki, berapakah jumlah keseluruhan pelajar universiti tersebut?

(3 Markah)

S33 Setelah bersara dari profesyen perguruan, cikgu Sabari telah melaburkan sebanyak RM40,000 dalam Amanah Saham Bumiputera (ASB). Pada tahun pertama, beliau menerima dividen 10% dan bonus 5%. Pada tahun kedua, beliau menerima dividen 9% dan bonus 4%. Jika beliau tidak mengeluarkan keuntungan pada tahun kedua, berapakah jumlah pendapatan daripada pelaburannya?

(4 Markah)

BAHAGIAN C: Isi tempat kosong berdasarkan cadangan jawapan yang disediakan. Jawapan perlu ditulis di buku jawapan yang disediakan.

Cadangan jawapan:

Sama	Sistem barter	kredit
Nisbah	nombor kompleks	berbeza
sistem nombor hindu	per seratus	integer
Penyebut	pecahan	kurang

S34 Nombor ialah satu _____ yang mewakili suatu hitungan atau ukuran.

- S35 Dalam bidang matematik, peratusan ialah cara menyatakan nombor sebagai satu pecahan _____.
- S36 Pecahan wajar akan bernilai _____ daripada 1.
- S37 Pecahan kasar juga dipanggil sebagai nombor _____.
- S38 Kedua-dua nombor perpuluhan 1.678 dan 2.879 mempunyai tempat perpuluhan yang _____.
- S39 Bagi nombor pecahan $\frac{1}{4}$, nombor 4 dikenali sebagai _____.
- S40 Kedua-dua angka 5 dalam 12.785 dan 13.567 mempunyai nilai yang _____.
- S41 _____ dahulunya menggunakan benda seperti kerikil dan ranting bagi mewakili sesuatu.
- S42 Terdapat tiga jenis wang iaitu wang komoditi, wang fiat dan wang _____.
- S43 Simbol i telah diperkenalkan oleh Leonhard Euler bagi mewakili _____.

(10 markah)

BAHAGIAN D: Jawab di dalam buku jawapan yang disediakan.

S44 Pengetahuan Kandungan Pedagogi (PCK) merupakan perkara asas yang wajib diketahui oleh semua guru.

- a) Jelaskan maksud Pengetahuan Kandungan Pedagogi.

(4 markah)

- b) Senaraikan proses pembinaan pengetahuan kandungan pedagogi menurut Shulman 1987.

(6 markah)

- c) Terangkan miskonsepsi pelajar tentang nombor bulat beserta contoh dan cara mengatasinya.

(10 markah)

S45 Wang merupakan sesuatu objek yang diterima masyarakat dan sah disisi undang-undang sebagai alat pertukaran dalam urusan jual beli dan urusniaga.

a) Berikan lima ciri-ciri wang yang digunakan pada hari ini.

(5 markah)

b) Terangkan kesan penggunaan wang terhadap ekonomi dan masyarakat.

(20 markah)

-SOALAN TAMAT -